

U. M. - 5 JUN 1973

DR. Mahathir Mohammad hari ini mengingatkan bahawa bangsa Melayu tidak akan menjadi bangsa yang bahagia dan maju kalau mereka takut mengkritik diri sendiri.

Tegasnya: tanggungjawab kita sekarang ialah menyediakan diri untuk mengatasi halangan-halangan yang ditempuhi bila hendak mencapai cita-cita.

"Kalau kita tidak berani mengkritik diri sendiri, sampai bilapun kita tak jadi bangsa yang bahagia dan maju," tambahnya dalam majlis dialog dengan perwakilan UMNO Bahagian Rawang di sini.

Menurut anggota Majlis Kerja Tertinggi UMNO itu bahawa orang Melayu mesti ingat akan kesalahan diri sendiri.

Beliau kemudian menarik perhatian tentang sikap setengah orang Melayu yang suka menyalahkan itu dan ini kerana dikatakan sabotaj dari bukan bumiputra.

Sebelumnya beliau mencadangkan kerajaan supaya mengeluarkan arahan kepada pegawai-pegawainya bagaimana cara hen-

RAWANG 4 JUN

dak melayan permintaan rakyat.

"Sebilangan besar pegawai kerajaan sekarang hanya mengetahui dasar parti melalui surat-surat khabar," katanya.

Dr. Mahathir menyatakan ini sebagai menjawab pertanyaan seorang perwakilan yang melahirkan rasa hampa kerana beberapa permohonan melalui surat kepada pegawai kerajaan tidak mendapat layanan.

Sikap

Kata Dr. Mahathir sikap pegawai-pegawai kerajaan dengan pemimpin-pemimpin adalah berlainan.

Menurutnya, "saya pernah mengemukakan cadangan kepada Tun Razak supaya dikeluarkan arahan kepada pegawai-pegawai kerajaan bagaimana cara-cara melayan rakyat."

Tun Razak telahpun memberi jaminan untuk menimbang perkara itu, tambahnya.

Beliau kemudian menjelaskan, permintaan rakyat selama ini memang ada layanan dari pegawai tetapi tentu tidak dapat memuaskan semua pihak.

Beliau mengakui selama ini banyak yang diouat oleh kerajaan untuk membaiki taraf hidup rakyat negara ini.

Beliau menyebut tentang peuang yang diberikan kepada anak-anak Melayu menamatkan pelajaran keuniversiti jika dibandingkan dengan 5 atau 6 orang dalam masa pemerintahan penjajah dahulu.

"Tapi ini bukanlah bererti kita sudah puashati. Banyak lagi tuntutan yang belum dijelaskan oleh kerajaan. Begitu juga janji wakil rakyat yang tidak dapat dipenuhi," katanya.

Ini berlaku kerana masalah kewangan dan ujudnya pentadbiran yang tidak cekap, katanya dan menyambung, "tetapi tidaklah bererti parti yang memerintah mahukan keadaan ini."

"UMNO cuba melayan permintaan rakyat melalui wakil mereka kepada pemimpin-pemimpin, tetapi kadang-kadang ada soal lain yang menghalang." Tegasnya.